

Sinar 10/1/19

RM2.5j kos naik taraf pasar

KUANTAN - Kerja pembaikan dan naik taraf Pasar Besar Kuantan perlu dilaksanakan segera untuk keselesaan kira-kira 400 peniaga.

Setiausaha Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Datuk Hamza Hamzah berkata, pihaknya mengemukakan pelan komprehensif yang akan dibawa ke peringkat lebih tinggi dengan nilai cadangan RM2.5 juta.

Merumahnya, jumlah itu meliputi peruntukan membaiki kosakan seperti atap dan bumbung bernilai anggaran RM200,000, naik taraf bangunan anggaran RM1.5 juta, dan bakiannya untuk kerja penyusunan semula kategori peniaga, baik pulih sistem saliran, surau dan tandas, mekanikal dan elektrikal serta sistem perparitan dan bekalan air.

Wakil MPK juga ada buat lawatan ke pasar Selayang di Selangor untuk lihat kemudahan di sana. Dalam usaha memberikan

keselesaan kepada pelanggan dan peniaga, MPK akan ambil seriti perkarat ini dan banyak kerja pembaikan perlu dilakukan.

"Selain itu, MPK perlu ada jalinan dua hala bersama peniaga-peniaga untuk mengetahui masalah mereka dan beri pemahaman mengenai apa yang MPK akan lakukan untuk pasar besar ini," katanya ketika ditemui pada program lawatan MPK bersama Adun Teruntum, Sim Chon Siang di pasar itu, semalam.

Sejumlah 520 petak niaga disediakan dengan 400 dilet dengan pemalagaan daging, ayam ikan, sayur, dan gerai pelbagai.

Pasar beroperasi sejak 1972 itu telah melalui dua proses baik pulih dan pengubahsuaian.

Hamza berkata, MPK memperuntukkan RM60,000 setahun untuk penyelenggaraan seperti baik bumbung, 'roller shutter' dan atap kedai.



Hamza (tengah) mempengerusikan perjumpaan sempena lawatan MPK dan Pejabat Adun Teruntum ke Pasar Besar Kuantan.